



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA PERKUKUH KERJASAMA DENGAN PENERAJU SISTEM PENGANGKUTAN PINTAR EROPAH

AMSTERDAM — Malaysia memperkukuh kerjasama strategik dengan peneraju Sistem Pengangkutan Pintar (Intelligent Transport Systems, ITS) di Eropah dalam usaha memacu pembangunan ekosistem mobiliti pintar negara selaras dengan Pelan Induk ITS Malaysia 2025–2030.

Usaha ini dizahirkan melalui sesi libat urus yang diketuai oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi bersama organisasi ITS utama Eropah bersempena Intertraffic Amsterdam 2026.

Dalam siri pertemuan tersebut, Dato Sri Alexander telah mengadakan perbincangan bersama ERTICO – ITS Europe, ITS Jerman dan Connekt / ITS Netherlands bagi bertukar pandangan mengenai perkembangan teknologi pengangkutan pintar serta meneroka potensi kerjasama dalam mobiliti pintar dan pembangunan infrastruktur pengangkutan digital.

“Libat urus ini mencerminkan komitmen Malaysia untuk memperkukuh kerjasama antarabangsa dalam usaha kita mengukuhkan pembangunan ekosistem pengangkutan yang lebih pintar, berasaskan data dan diperkasa teknologi,” kata Dato Sri Alexander.

Beliau berkata, Malaysia turut melihat peluang untuk memanfaatkan pengalaman negara-negara Eropah dalam melaksanakan penyelesaian mobiliti pintar termasuk pengurusan trafik digital, integrasi data mobiliti serta penggunaan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan bagi meningkatkan kecekapan dan keselamatan sistem pengangkutan.

Perbincangan bersama ERTICO – ITS Europe tertumpu kepada usaha memperkukuh kerjasama melalui perkongsian penyelidikan, platform perkongsian pengetahuan, inisiatif pembangunan kapasiti serta penyertaan dalam program ITS antarabangsa. ERTICO turut menekankan peranannya dalam menghubungkan kerajaan, industri dan institusi penyelidikan di seluruh Eropah.

“Malaysia menghargai peluang untuk mempelajari pengalaman Eropah dalam melaksanakan penyelesaian mobiliti pintar serta membina kerjasama kukuh antara kerajaan, industri dan institusi penyelidikan,” katanya.

ERTICO turut memperkenalkan ERTICO Academy yang menawarkan program latihan khusus kepada profesional mobiliti dan berpotensi menyesuaikan program pembangunan kapasiti bagi menyokong pembangunan institusi Malaysia dalam bidang sistem pengangkutan pintar.

Dalam pertemuan berasingan, ITS Jerman berkongsi pengalaman Jerman dalam pembangunan infrastruktur pengangkutan digital dan tadbir urus mobiliti pintar. Antara fokus utama ialah inisiatif Artificial Intelligence and Mobility (AIAMO) — sebuah program penyelidikan yang mengintegrasikan kecerdasan buatan, data alam sekitar dan

pengurusan mobiliti bagi meningkatkan kecekapan trafik, kelestarian serta perancangan pengangkutan multimodal.

Inisiatif tersebut menghimpunkan 14 rakan penyelidikan dan industri bagi membangunkan penyelesaian berasaskan kecerdasan buatan yang menyokong sistem mobiliti yang lebih cekap, selamat dan responsif terhadap alam sekitar.

Sementara itu, perbincangan bersama Connekt / ITS Belanda menyentuh kepimpinan negara itu dalam mobiliti mampan, pengurusan trafik bersepadu serta platform inovasi kolaboratif yang melibatkan kerajaan, industri dan institusi penyelidikan.

Dato Sri Alexander turut menjemput rakan antarabangsa untuk menyertai platform mobiliti dan infrastruktur jalan raya yang akan dianjurkan di Malaysia bersempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

Antaranya termasuk Malaysian Roads Maintenance Convention di bawah MY ASEAN Roads and Traffic Expo and Conference (MYARTTE) 2026 yang akan berlangsung dari 30 September hingga 2 Oktober 2026, serta Malaysia Road Conference 2026 dari 13 hingga 15 Oktober 2026.

“Kami mengalu-alukan kehadiran rakan antarabangsa ke Malaysia bagi memperkuatkan usaha pertukaran pengetahuan dan kerjasama dalam membangunkan sistem mobiliti yang lebih pintar, selamat dan mampan,” katanya.

Sesi libat urus ini turut menegaskan komitmen Malaysia untuk mempercepat penerapan teknologi pengangkutan pintar, termasuk penggunaan data mobiliti, kecerdasan buatan dan inovasi digital bagi menyokong sistem pengangkutan yang lebih cekap, selamat dan mampan.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
11 MAC 2026

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#TangkasBertindak
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja